

23 OCT 2001

15,000 AKAN HADIRI HIMPUNAN HARI PENEROKA DI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 23 Okt (Bernama) -- Kira-kira 15,000 warga peneroka Felda akan menyertai Perhimpunan Hari Peneroka Negara 2001 yang akan berlangsung di Felda Kerteh, Dungun pada 10 Nov.

Pengerusi Felda Datuk Dr Yusof Nor hari ini berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan perhimpunan itu.

Beliau memberitahu Bernama di sini bahawa persiapan sedang rancak dilaksanakan bagi menjayakan perhimpunan bersejarah itu yang turut mengadakan pelbagai aktiviti berkaitan dunia peneroka.

Dr Yusof yakin perhimpunan seperti itu dapat mengeratkan hubungan di kalangan peneroka seluruh negara.

Dalam pada itu beliau berkata Felda akan memberikan perhatian kepada peneroka di Terengganu memandangkan mereka lebih berpendapatan rendah berbanding peneroka di negeri lain.

"Kita sedang melihat perkembangan ini dan sedang memikirkan satu kaedah bagaimana untuk membantu peneroka berkenaan," katanya.

-- BERNAMA  
AYB MRA RON